

27/08/2002

Industri pendidikan untungkan negara: PM

Kadir Dikoh; Mohd Fuad Razali; Salina Abdullah; Munaarfah Abu Bakar  
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menggalakkan pertumbuhan industri pendidikan bukan semata-mata untuk memberi rakyat peluang pendidikan sehingga ke peringkat tertinggi, tetapi ia juga dapat menyumbang kesejahteraan ekonomi negara.

Malah, kata Perdana Menteri, tindakan mengurangkan penghantaran pelajar ke luar negara dapat mengurangkan aliran keluar tukaran asing dan menyokong peningkatan rizab Malaysia.

"Oleh kerana Malaysia kini berada dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, penekanan pendidikan juga sudah beralih sejajar hala tuju dasar ekonomi dan perusahaan negara.

"Ini adalah industri perkhidmatan yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya ketika merasmikan Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) di Jalan Tun Ismail di sini, hari ini.

Universiti Terbuka ditubuhkan pada 10 Ogos 2000 oleh sebuah konsortium multimedia milik 11 institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) tempatan dengan menawarkan e-pendidikan dan pembelajaran multimedia dengan bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran wajib.

Ia adalah universiti swasta ketujuh di Malaysia. Antara fakulti yang ada ialah Sekolah Perniagaan dan Pengurusan, Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi Multimedia, Sekolah Kejuruteraan dan Kajian Teknikal, Sekolah Sains dan Kajian Asas serta Sekolah Pendidikan, Kesenian dan Sains Sosial.

Dr Mahathir berkata, kerajaan banyak melabur dalam bidang pendidikan sejak merdeka selaras hasrat Malaysia untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan kepada pelajar tempatan dan asing.

Katanya, walaupun Malaysia bukan tempat yang paling murah, ia lebih berdaya saing dari negara lain.

"Kita perlu mengeksploitasi daya saing ini untuk membangunkan industri pendidikan yang dianggap sebagai sebuah industri perkhidmatan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi," katanya.

Beliau berkata, pengeluaran perindustrian sudah beralih daripada berintensifkan buruh kepada pengetahuan dan sebuah sistem baru yang radikal bagi mewujudkan kekayaan sudah muncul menerusi pembangunan dan penggunaan pengetahuan baru.

Oleh itu, katanya, Malaysia menumpu kepada sains, teknologi dan matematik yang menjadi asas pembangunan industri dan ekonomi hari ini.

Dengan pelancaran Universiti Terbuka itu, kata Dr Mahathir, Malaysia mengambil peluang yang ditawarkan teknologi komunikasi baru untuk menjadikan pendidikan universiti terbuka kepada semua.

"Tentunya ia akan mengambil masa untuk orang ramai mendapatkan akses kepada pendidikan tinggi ini, tetapi ia tidak akan mengambil masa yang lama," katanya.

Dr Mahathir juga mengingatkan rakyat mengenai keperitan yang dialami negara sepanjang krisis ekonomi serantau pada 1997.

"Semasa Malaysia mencapai kemerdekaan, rakyatnya mewarisi pusaka ekonomi dan kebudayaan yang berlandaskan sumber asli pertanian dan industri berintensifkan buruh.

"Bagaimanapun, dalam tempoh 45 tahun kita merdeka, kita berjaya mengubah struktur ekonomi kepada ekonomi berasaskan industri dan pembuatan. Kemajuan ini tergendala sedikit disebabkan krisis kewangan 1997.

"Walaupun kita berjaya menangani masalah itu, kita sudah merasai keperitan. Masa depan tidak menjamin keperitan ini tidak akan menimpa kita

sekali lagi," katanya.